

03/05/1997

Mesyuarat rapatkan hubungan

KOK LANAS, Jumaat - Mesyuarat Umno cawangan di Kelantan yang dijangka selesai 15 Mei menjadi landasan terbaik kepada seluruh ahli parti menjalin semangat muhibah dan muafakat lebih kental, terutama dengan kembalinya bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46).

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa, berkata semua ahli Umno dan bekas S46 harus mengambil kesempatan menggunakan mesyuarat di peringkat cawangan sebagai peluang terbaik merapatkan hubungan dan mengukuhkan parti.

Menurutnya, Umno bersyukur kerana seluruh bekas ahli S46 kini kembali menyertai Umno, sekali gus mengukuh kedudukan parti itu di negeri ini.

"Sebab itu, saya harap semua bekas ahli S46 yang sudah diserapkan dan layak menyertai mesyuarat Umno cawangan juga mengambil kesempatan menjadikan mesyuarat itu sebagai majlis muhibah dan perpaduan.

"Ini penting supaya persefahaman terus terjalin dengan matlamat menguatkan parti," katanya di perasmian mesyuarat agung berkelompok cawangan Umno dalam bahagian Peringat, di Sekolah Kebangsaan (SK) Desa Pahlawan, di sini semalam.

Majlis itu dirasmikan Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabaruddin Chik.

Mengenai agenda perjuangan Umno Kelantan, Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, Umno akan meneruskan tugas penting untuk menebus kembali kekalahan parti itu pada Pas dalam dua pilihan raya umum lalu.

"Hanya semangat perpaduan tuleh saja dapat mengembalikan keyakinan rayat terhadap Umno untuk merampas semula Kelantan," katanya.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan dalam pertemuan dengan Ketua-ketua Umno bahagian negeri ini di Kuala Lumpur baru-baru ini turut mengingatkan seluruh ahli Umno supaya bersatu.

"Bagi memastikan matlamat ini menjadi kenyataan, setiap ahli parti perlu menumpukan perhatian kepada usaha mengembalikan maruah Umno dan kembali memerintah Kelantan," katanya.

(END)